



BAB KEEMPAT



BAB KEEMPAT

RUMUSAN

Hasil dari kajian ini didapati bahawa huruf-huruf Muqatta'ah yang berada di permulaan surah-surah tertentu di dalam al-Quran merupakan muqadimah atau pembukaan kepada surah-surah berkenaan. Di samping itu ia juga merupakan salah satu keunggulan bahasa al-Quran yang merupakan bahasa dan kata-kata Allah S.W.T. kerana sebagaimana yang kita semua telah maklum bahawa ia merupakan kalam Allah .

Apabila ia merupakan muqadimah kepada surah-surah yang didahuluinya maka sudahlah pasti wujud satu hubungkait serta wacana yang amat rapat di antara kedua-duanya. Seperti biasa muqadimah dengan isi kandungan mempunyai hubungkait yang amat rapat, kerana muqadimah merupakan paparan awalan secara keseluruhan kepada apa yang akan disampaikan seterusnya sebagai isi di dalam apa jua penulisan sekali pun.

Muqadimah ataupun pendahuluan akan menggambarkan secara umum tentang apa yang akan disampaikan sebagai isi perbincangan di dalam satu-satu penulisan. Muqadimah akan bertindak memberi penerangan secara ringkas tentang apakah yang akan dibincangkan seterusnya di dalam satu-satu penulisan. Bermula dari isi pertama sehinggalah kepada isi penutup satu-satu penulisan itu diterangkan secara ringkasnya oleh muqadimah satu-satu penulisan itu.

Oleh itu huruf-huruf Muqatta-ah merupakan gambaran secara keseluruhan terhadap apa yang Allah S.W.T. bincangkan dalam surah-surah berkenaan. Kajian ini mendapati kesemua isi-isi kandungan surah-surah berkenaan mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf-huruf Muqatta-ah yang mendahului surah-surah tersebut.

Semua surah-surah yang di dahului oleh huruf-huruf Muqatta-ah ini merupakan surah-surah makkiyyat. Secara teorinya surah-surah makkiyyat merupakan surah-surah yang membincangkan tentang perihal aqidah, yang meliputi perbincangan tentang ketuhanan Allah S.W.T , kebenaran kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. , kebenaran al-Quran, perbincangan mengenai hari qiamat dan juga mengenai kekuasaan serta keesaan Allah S.W.T.

Semasa proses dakwah Baginda S.A.W. di Mekah hanya meliputi aspek-aspek tersebut tadi iaitu aspek-aspek yang melibatkan aqidah, terutamanya untuk kepercayaan kepada al-Quran yang merupakan tunggak utama kepada usaha dakwah Baginda S.A.W., kepercayaan kepada al-Quran akan membawa kepada kepercayaan terhadap unsur-unsur aqidah yang lain.

Untuk menarik kepercayaan terhadap al-Quran dan menolak dakwaan karut golongan musyrikin Quraisy maka Allah telah mengemukakan sesuatu yang boleh, melemahkan daya pemikiran masyarakat Arab, dengan mengemukakan huruf-huruf Muqatta-ah sebagai pembukaan kepada surah-surah yang membincangkan perihal aqidah itu, sedangkan masyarakat Arab merupakan masyarakat yang paling hebat berbahasa. Mereka jadi kaku apabila berhadapan dengan situasi ini. Mereka sudah pasti tidak mampu untuk mencipta sesuatu hasil karya yang hanya dimuqadimahkan

oleh beberapa huruf abjad yang mana mempunyai hubungkait yang amat erat dengan segala isi kandungan surah yang dimulai oleh huruf-huruf berkenaan.

Hal ini merupakan salah satu kehebatan, keunggulan dan kemurnian bahasa al-Quran, yang sememangnya merupakan mukjizat daripada Allah S.W.T. Apa yang amat menarik di sini ialah Allah S.W.T. hanya menggunakan beberapa huruf abjad sahaja sebagai muqadimah kepada surah-surah yang tertentu dan terdapat banyak surah yang Allah hanya menggunakan satu huruf abjad sahaja untuk menjadi muqadimah kepada satu surah yang panjang. Muqadimah ini mempunyai hubungkait dan merangkumi keseluruhan isi kandungan surah-surah tersebut .

Sebagai hasil kepada kajian ini mendapati bahawa surah-surah al-Quran yang didahului oleh tiga huruf yang terdiri dari **الم** dan **طسم** mempunyai isi kandungan permulaan yang ada kaitan yang amat rapat dengan huruf yang pertama pada gabungan tiga huruf dari tiga jenis di atas. Sementara isi kandungan bahagian tengah surah pula mempunyai hubungkait dengan huruf yang kedua atau yang berada di tengah dan isi kandungan penutup mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf yang terakhir atau yang ketiga.

Bagi surah-surah yang didahului oleh dua huruf yang terdiri dari huruf-huruf **طه- يس- طس- حم** mempunyai isi kandungan permulaan yang ada hubngkait yang amat rapat dengan huruf pertama, begitu juga dengan isi kandungan ditengah-tengah surah ada hubungkait dengan huruf yang pertama. Bagi isi penutup wujudnya wacana atau hubungkait dengan huruf yang kedua.

Sementara surah-surah yang dimulakan dengan empat huruf yang terdiri dari huruf-huruf **المص- المر** isi kandungan permulaannya mempunyai hubungkait dengan huruf pertama iaitu huruf **ا** dan isi kandungan di bahagian tengah dengan huruf yang kedua dan ketiga mengikut turutan. Bagi isi kandungan penutup mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf yang terakhir iaitu huruf yang keempat.

Bagi surah-surah yang didahului oleh lima huruf yang terdiri dari huruf-huruf **كهيعص- حم عسق** keadaan yang sama juga berlaku iaitu isi permulaan surah mempunyai wacana serta hubungkait dengan huruf yang pertama, begitu juga dengan isi seterusnya mengikut turutan huruf-huruf tersebut. Bagi isi penutup wujudnya hubungkait dengan huruf yang terakhir iaitu huruf yang kelima.

Akhirnya bagi surah-surah yang didahului oleh satu huruf yang terdiri dari huruf-huruf **ن - ق - ص** keseluruhan kandungan surah mempunyai hubungkait dengan huruf tersebut bermula dari isi permulaan sehinggalah kepada isi penutup.

Secara keseluruhannya hasil dari kajian ini mendapati bahawa huruf-huruf Muqatta'ah yang berada pada permulaan surah mempunyai hubungkait yang amat erat dengan isi kandungan surah tersebut, hubungkait itu merupakan hubungan antara muqadimah atau pembukaan dengan isi kandungan. Hubungan tersebut dapat dilihat melalui gambaran makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf berkenaan. Gambaran makna tersebut wujud berdasarkan kepada sifat-sifat sebutan huruf-huruf berkenaan, sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Apa yang jelasnya melalui kajian ini satu penemuan terhadap dua perkara penting daripada penggunaan huruf Muqatta-ah oleh Allah S.W.T. iaitu :

- 1) Wujudnya wacana yang amat erat antara huruf-huruf Muqatta-ah yang mendahului surah-surah tertentu di dalam al-Quran dengan isi kandungan surah-surah tersebut. Wacana yang wujud itu merupakan wacana antara muqadimah dengan isi kandungan.
- 2) Penemuan tentang rahsia mukjizat bahasa al-Quran yang merupakan kalam Allah S.W.T daripada penggunaan huruf-huruf Muqatta-ah di awal beberapa surah tertentu di dalam al-Quran, kerana manusia sememangnya tidak mampu untuk mencipta satu hasil karya yang hanya menggunakan beberapa huruf atau hanya satu huruf sahaja sebagai muqadimah kepada hasil karya tersebut.